

KAJIAN BAGI MENYELARASKAN UJIAN PENULISAN KEPADA *COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE (CEFR)*

Yuziana Yasin¹, Harshita Aini Haroon², Sharmini Abdullah³ & Rozilawati Mahadi⁴

^{1,2,3,4}Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

ABSTRAK

Secara umumnya, proses menyelaraskan penilaian bahasa Inggeris kepada piawaian antarabangsa, seperti *Common European Framework of Reference (CEFR)* dapat mengukuhkan kesahihan ujian yang dibangunkan. Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengkaji bagaimana skala CEFR dapat dioperasikan dalam pembangunan ujian penulisan kepada pelajar antarabangsa bagi saringan tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar antarabangsa untuk kemasukan ke universiti. Pada beberapa peringkat pembangunan ujian berasaskan CEFR ini, proses untuk menghubungkan ujian penulisan dengan CEFR telah dikaji. Di awal pembangunan item ujian, penggubal item ujian mengenalpasti tahap keperluan minimum penguasaan pelajar berdasarkan skala CEFR yang ingin diukur. Seterusnya proses pembinaan item ujian dan proses semakan aras kesukaran item dijalankan. Skala pemarkahan kemudiannya disemak untuk mengenalpasti kriteria yang dinilai dan julat markah bagi setiap skala CEFR ditentukan. Setelah ujian dijalankan kepada pelajar antarabangsa, sampel markah pelajar dinilai dan markah bagi sampel diselaraskan berdasarkan rubrik skala CEFR. Akhirnya, nilai tahap persetujuan yang tinggi di antara pemeriksa ujian penulisan digunakan untuk meningkatkan kesahihan pelaporan markah pelajar berdasarkan kepada skala CEFR. Kajian masa hadapan dapat dilaksanakan kepada proses penyelarasan ujian berasaskan CEFR kepada kemahiran mendengar, bercakap dan juga membaca bagi mendapatkan keputusan tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar yang lebih menyeluruh.

Keywords: CEFR, ujian kemasukan pelajar antarabangsa, penulisan

ABSTRACT

In general, the process of aligning English language assessment to international standards, such as the Common European Framework of Reference (CEFR) can strengthen the validity of the tests developed. This paper aims to study how the CEFR scale can be operationalized in the development of a writing test for international students to measure the level of English proficiency of international students for university admission. At several stages of the development of this CEFR-based test, the process to link the writing test with the CEFR was studied. At the beginning of the development of the test items, the test developers of the test items identify the minimum required level of student mastery based on the CEFR scale to be measured. Next, the test item construction process and the item difficulty level review process are carried out. The scoring scale is then reviewed to identify the criteria being assessed and the range of scores for each CEFR scale is determined. After the test is administered to international students, a sample of student scores is evaluated and scores for the sample are adjusted based on the CEFR scale rubric. Finally, the high level of agreement between the examiners of the writing test was used to increase the validity of student score reporting based on the CEFR scale. Future studies can be carried out on the process of coordinating CEFR-based tests for listening, speaking and reading skills to obtain more comprehensive results of students' English language proficiency.

Keywords: CEFR, international students admission test, writing

1.0 PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi 2015-2025 menggariskan sepuluh anjakan yang akan memacu kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Kesemua 10 Anjakan ini menangani isu prestasi utama dalam sistem pendidikan, terutamanya berkaitan kualiti dan kecekapan yang mengganggu landskap pendidikan tinggi. Salah satu anjakan ini tertumpu kepada keterlihatan global dan pengantarabangsaan di mana pendidikan tinggi Malaysia dilihat sebagai sumber pendapatan utama negara, memandangkan status Malaysia sebagai 10 destinasi terbaik untuk pelajar antarabangsa. Untuk mengekalkannya, Malaysia perlu meningkatkan lagi jenama pendidikan tinggi negara; daripada destinasi pendidikan yang terkenal dengan nilai wang dan kualiti hidup yang berbaloi kepada destinasi pendidikan yang turut diiktiraf, dirujuk dan dihormati di peringkat antarabangsa kerana kepakaran akademik dan penyelidikannya (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2015). Sebagai inisiatif untuk menyokong agenda nasional pengantarabangsaan, universiti perlu memastikan kewujudannya kekal relevan dan terus menghasilkan graduan berkemahiran tinggi yang memenuhi Pelan Tindakan Perindustrian Negara. Salah satu elemen yang boleh ditumpukan kepada pengantarabangsaan ialah meningkatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti.

Seperti amalan negara-negara di seluruh dunia, pelajar antarabangsa perlu memenuhi tahap keperluan bahasa Inggeris yang telah ditetapkan oleh universiti semasa kemasukan mereka. Ujian kecekapan bahasa Inggeris seperti International English Language Testing System (IELTS) dan Test of English as a Foreign Language (TOEFL) diamalkan secara meluas di institusi akademik. Walaupun penggunaan ujian antarabangsa ini meluas di institusi bagi kemasukan pelajar antarabangsa, namun ujian tempatan juga disyorkan untuk menilai kecekapan pelajar sebelum mereka mendaftar dalam pengajian akademik mereka di universiti tertentu. Ujian kemasukan di peringkat universiti juga amat dicadangkan untuk memastikan pelajar mencapai tahap kemahiran tertentu yang diperlukan untuk pengajian mereka.

Dalam melaksanakan ujian bahasa Inggeris bagi kemasukan pelajar antarabangsa, ujian berasaskan CEFR dicadangkan untuk digunakan dan disesuaikan oleh institusi tempatan. Untuk memastikan ujian berasaskan CEFR itu mempunyai kesahan yang tinggi, reka bentuk dan pembangunannya mesti mempertimbangkan populasi, konteks, dan domain di mana ujian itu digunakan. Ujian berasaskan CEFR setempat akan membolehkan pihak di luar institusi memahami pencapaian pelajar pada skala rujukan yang sama dan memberikan gambaran keseluruhan tentang tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar antarabangsa. Namun begitu, memandangkan CEFR masih baharu di Malaysia, tidak semua ujian yang dibina di institusi adalah diselaraskan dengan CEFR. Disebabkan oleh kelebihan ujian berasaskan CEFR yang disediakan oleh institusi, kajian ini dijalankan untuk membangunkan dan mengesahkan ujian berasaskan CEFR yang dibina berdasarkan manual CEFR (2020) dan disesuaikan dengan konteks insituti tempatan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Common European Framework of Reference (CEFR)

Common European Framework of Refence (CEFR) telah dibangunkan dalam pendidikan bahasa semasa tahun 1970-an dan 1980-an (Europe, 2020). CEFR bertujuan untuk memudahkan ketelusan dan keselarasan antara kurikulum, pengajaran dan penilaian dalam sesebuah institusi serta ketelusan dan keselarasan antara institusi, sektor pendidikan, wilayah dan negara (Europe, 2020). CEFR menghuraikan penguasaan bahasa kepada enam tahap: A1 dan A2, B1 dan B2, C1 dan C2. CEFR memainkan peranan penting dalam pendidikan dan dasar bahasa di Eropah dan seluruh dunia. Ia mempunyai pertalian yang semakin utuh kepada pengujian bahasa dan badan

peperiksaan, serta membantu menentukan tahap penguasaan bahasa dan mentafsir kelayakan bahasa (Hanan Khalifa dan Ffrench, 2008). Bagi kebanyakan pentadbir ujian bahasa, ianya menjadi semakin penting untuk memastikan bahawa peperiksaan mereka sejajar dengan CEFR (Hanan Khalifa dan Ffrench, 2008). Dalam konteks Malaysia, memperkenalkan CEFR ke dalam negara dapat membawa peningkatan baharu kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Penerimaan CEFR juga bermakna Malaysia akan mendapat manfaat daripada amalan standard antarabangsa.

2.2 Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis diberi penekanan pada peringkat pengajian tinggi. Melalui penulisan, bahasa berfungsi sebagai penyampai ilmu atau pengupaya komunikasi dan sebagai alat perantara bagi proses berfikir yang dimanifestasikan dalam bentuk tulisan (Mohd Ali et al., 2018). Kemahiran menulis juga penting dalam kejayaan akademik. Uysal (2009) menyatakan bahawa menulis merupakan satu kemahiran yang sangat kompleks dan mencabar untuk dipelajari dan dinilai di peringkat universiti. Dalam CEFR, kepaduan penulisan dianggap sebagai ciri yang paling ketara bagi produk yang ditulis dengan lancar (Waller, 2015). Sebagai contoh, pada tahap A1-A2, pengguna bahasa dijangka dapat menggunakan penyambung mudah untuk menggabungkan ayat mudah manakala pada tahap B1- B2, penggunaan kata hubung dijangka lebih baik dan pelbagai. Sehubungan itu, pada tahap B1-B2, pengguna bahasa seharusnya dapat menghasilkan teks yang lebih pelbagai, koheren dan kohesif dengan kesilapan yang boleh diterima dalam teks yang lebih panjang. Pada tahap C1- C2, pengguna bahasa dijangka menjadi pengguna bahasa yang yakin.

2.3 Teori Kesahan bagi Penulisan

Konsep kesahan telah berubah daripada berdasarkan korelasi statistik kepada konsep rumit yang melibatkan kualiti kognitif, sosial, kontekstual atau pragmatik dan psikometrik dan memerlukan keperluan untuk mengumpul bukti. Kerangka sosio-kognitif (Weir, 2005) mengambil konteks, kognitif, pemarkahan, konsekuen, dan kesahan berkaitan kriteria sebagai aspek utama kesahan. Beliau berpendapat bahawa pereka ujian perlu membincangkan elemen ini untuk memastikan keadilan dan kesahan ujian tersebut. Berdasarkan rangka kerja pengesahan Weir untuk menulis, pengambil ujian sangat diberikan tumpuan utama oleh pembangun ujian kerana ciri pengambil ujian secara langsung memberi kesan kepada cara individu memproses tugas yang diberikan (Kantarcioglu, 2012).

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kaedah campuran, merangkumi pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini terdiri daripada dua fasa. Fasa pertama dijalankan bagi menganalisis proses membangunkan dan mereka bentuk ujian berasaskan CEFR. Fasa dua dilaksanakan bagi memberi tumpuan kepada kesahan markah ujian tersebut berdasarkan skala CEFR.

30 pelajar antarabangsa prasiswazah terlibat dalam kajian ini. Responden dalam kajian ini dipilih menggunakan persampelan bertujuan selepas sesi taklimat Google Meet diberikan kepada pelajar. Para peserta dikehendaki menduduki ujian penulisan yang telah dibina, dan kemudiannya pemeriksa menilai skrip jawapan esei tersebut menggunakan skala pemarkahan berdasarkan CEFR. Penilai ujian dan pereka bentuk ujian kajian ini dipilih daripada guru bahasa Inggeris yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun, telah menjalani beberapa siri bengkel CEFR dan berpengetahuan dengan skala CEFR. Penilai yang dipilih perlu menanda dan menilai skrip esei mengikut rubrik berasaskan CEFR.

Pada fasa pertama, nota lapangan digunakan untuk mendapatkan pandangan daripada pereka bentuk ujian mengenai spesifikasi ujian berasaskan CEFR bagi kemasukan pelajar antarabangsa.

Perbincangan telah dipandu oleh borang spesifikasi ujian CEFR yang diberikan oleh Manual CEFR (O' Sullivan, 2011). Ujian dan rubrik penulisan berasaskan CEFR baharu dihasilkan daripada data yang dikumpul daripada nota lapangan. Dalam fasa kedua, penilai ujian menandakan skrip esei pelajar dalam sesi moderasi. Kebolehpercayaan penilai diukur daripada analisis statistik, dan seterusnya prestasi pelajar dalam ujian penulisan berasaskan CEFR dilaporkan.

4.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

Fasa pertama kajian berjaya menyediakan bukti bagi proses pembinaan ujian penulisan berasaskan CEFR baharu yang telah ditambahbaik untuk kemasukan pelajar antarabangsa. Data daripada borang spesifikasi dan nota lapangan yang dikumpulkan dapat membenarkan kesahan konteks dan kesahan kognitif berdasarkan kerangka kesahan (Weir, 2005). Responden kajian menetapkan dua jenis esei diuji; karangan reflektif (tahap B1) dan karangan argumentative (tahap B2). Ini adalah sejajar dengan pekeliling Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil 1/2022, 27 April 2022, yang menggariskan tahap minimum bahasa Inggeris pelajar antarabangsa bagi kemasukan ke universiti berada pada tahap B1.

Bagi pembinaan rubrik, skala CEFR yang digunakan ialah *Global Scales, Overall Written Production, Creative Writing Scale, Reports & Essays scale, CEFR Communicative Language Competence Scales: General Linguistic Range, Grammar accuracy, Vocabulary Control dan Vocabulary Range*. Untuk menilai kandungan yang berbeza untuk karangan reflektif, dan karangan argumentatif, skala khusus digunakan untuk kriteria pemarkahan kandungan, di mana karangan reflektif dinilai dengan deskriptor deskriptif, manakala karangan argumentatif dinilai menggunakan deskriptor argumentatif.

Fasa kedua kajian berjaya dijalankan bagi mengumpulkan sampel jawapan pelajar untuk sesi penyeragaman pemarkahan. Untuk menentukan kebolehpercayaan julat skor, kesahan pemarkahan telah diukur. Dalam tetapan standard, kesahan pemarkahan memerlukan analisis ketepatan penilai ujian dalam penggunaan kriteria pemarkahan. Kesahan markah penilai pada sampel jawapan telah diukur untuk menentukan sama ada skor yang ditetapkan adalah boleh dipercayai dan mencapai piawaian yang boleh diterima. Untuk karangan reflektif, nilai Cronbach's Alpha adalah 0.98, menunjukkan bahawa konsistensi dalaman antara penilai berada dalam julat yang sangat baik. Bagi karangan argumentatif, nilai Cronbach's Alpha adalah 0.973, menunjukkan bahawa konsistensi dalaman antara penilai berada dalam julat yang sangat baik. Pencapaian pelajar menunjukkan bahawa markah minimum pelajar adalah di tahap A1, dan pencapaian tertinggi adalah pada tahap C1 dengan purata markah 36.14 yang menunjukkan pada tahap B1.

5.0 KESIMPULAN

Dengan penerimaan dan pembangunan ujian berasaskan CEFR, bilangan institusi yang menyelaraskan ujian mereka kepada CEFR juga telah meningkat. Oleh itu, kajian ini dijalankan sebagai satu cubaan oleh pengkaji untuk mengenalpasti dan menjalankan proses-proses yang terlibat dan diperlukan dalam pembangunan dan pengesahan ujian penulisan berasaskan CEFR yang dibina oleh institusi bertujuan untuk penyaring tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar antarabangsa semasa kemasukan ke universiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian bahasa Inggeris pelajar dapat diukur dengan lebih sistematik dan berkualiti dengan menggunakan ujian berasaskan CEFR. Kajian masa hadapan dapat dijalankan bagi kemahiran yang lain termasuk ujian mendengar, membaca dan bercakap bagi memberikan keputusan tahap pencapaian bahasa Inggeris pelajar yang lebih menyeluruh.

RUJUKAN

- Europe, Council of. 2020. 'Companion Volume'. In *Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment – Companion Volume*, Council of Europe Publishing. www.coe.int/lang-cefr.
- Hanan Khalifa, and Angela Ffrench. 2008. 'Aligning Cambridge ESOL Examinations to the CEFR : Issues & Practice'. *34th Annual Conference, International Association for Educational Assessment*. http://www.iaeahttp://www.iaea.info/documents/paper_2b711ec02.pdf.info/papers.aspx?id=71.
- Kantarcioğlu, Elif. 2012. 'Relating an Institutional Proficiency Examination to the CEFR : A Case Study'. Ministry of Education Malaysia (MoE). 2015. 2025 Ministry of Education Malaysia *Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education)*.
- Mohd Ali, Zarina et al. 2018. 'Contextualising the Cefr: The Universiti Malaysia Pahang English Language Proficiency Writing Test'. *ICERI2018 Proceedings* 1(November 2018): 4892–4902.
- Roadmap (2015-2025). English Language Standards and Quality Council. Ministry of Education Malaysia.
- Uysal, Hacer Hande. 2009. 'A Critical Review of the IELTS Writing Test'. *ELT Journal* 64(3): 314–20.
- Waller, Daniel. 2015. 'Investigation into the Features of Written Discourse at Levels B2 and C1 of the CEFR'.: 328.
- Weir, Cyril J. 2005. 'Language Testing and Validation: An Evidence-Based Approach'. *The Modern Language Journal* 91(2): 320–21.